## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 18 OKTOBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | MAT SABU: GOVERNMENT PLANS TO IMPLEMENT OUTPUT-BASED PADDY SUBSIDIES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>SITA KILANG SOROK 180 TAN METRIK BERAS, NEWS, SELANGOR KINI -18<br>CHICKEN, EGGS PRICE FLOAT TO ENSURE SUBSIDIES BENEFIT RIGHT GROUP: PM, MUKA DEPAN, THE SUN -1<br>HARGA AYAM, TELUR: PERBINCANGAN FLFAM, KPKM BELUM ADA KEPUTUSAN, NASIONAL, SH -19<br>TANGGUNG SUBSIDI AYAM, TELUR RM3.7b, NEGARA, KOSMO -5<br>HARGA IKAN DI TERENGGANU MENURUN, LOKAL, HM -8<br>KERAP PANTAU SITUASI BEKALAN, LOKAL, HM -8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 8.<br>9. | PADI: HARGA LANTAI BAHAR MASIH RENDAH, DALAM NEGERI, UM -31<br>BENIH PADI SAH DIJUAL DI 'PASARAN GELAP', NEGARA, KOSMO -14 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 10. | 31,000 RICE DISTRIBUTION PREMISES INSPECTED, NEWS, THE SUN -2 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Government plans to implement output-based paddy subsidies | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 18 Oct 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 114 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,434 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,302 |


今明年不重启GST

## 末沙布：提高农民生产力

# 拟推依产量补贴机制

（吉隆坡17日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，政府计划将稻农补贴过渡至以产量为主的补贴机制，以鼓励农民提高生产力。


末沙布

他说，从提供补贴到过渡至以产能为主的补贴，将会逐步创建一个自我监管的行业，这将减少政府对稻米生产供应链的参与和监督。

莫哈末沙布在周一的国会回答瓜拉冷岳国会议员阿末尤努斯关于政府如何确保国家白米供应安全长期计划时，以书面答复时如此表示。

他说，政府在今年已发放18.6亿令吉作为农业补贴，比去年的15亿令吉增加了21.9%。

“全年补贴稻农的拨款也增至10亿令吉，此外，稻米价格补贴计划（SSHP）下的补贴金，从每公吨360令吉调高至500令吉。”

Powered by: isentia

| Headline | Sita kilang sorok 180 tan metrik beras | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 18 Oct 2023 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 18 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 110 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,083 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 3,249 |



# Sita kilang sorok 180 tan metrik beras

**SHAH ALAM** - Sebuah kilang beras di Kedah disita kerana disyaki menyorok 180 tan metrik beras putih tempatan dianggar bernilai RM405,000 dalam operasi pada 9 Oktober.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin menjelaskan pemeriksaan mendapati beras berkenaan disorok dalam gudang yang tidak dinyatakan dalam lesen.

"Buat masa ini, lokasi dan nama syarikat kilang itu tidak boleh didedahkan supaya tidak mengganggu kes yang masih dalam siasatan.

"Pada Sabtu lalu (7 Oktober), Kawalselia Padi dan Beras ada melakukan operasi dan menyita beras di sebuah kilang di sini," katanya selepas menyertai operasi pemantauan seperti dilapor Bernama.

Kes berkenaan disiasat bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996.

Foong Hin juga memberi amaran kepada semua pihak supaya mematuhi undang-undang berikutan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan bertindak tegas terhadap mereka yang ingkar.

Katanya, pemeriksaan dibuat ke atas lapan pemborong dan enam pengilang beras di Kedah bagi mengesan kegiatan menyorok beras, menukar kampit dan mencampur beras putih tempatan dan beras putih import.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2023 | THE SUN | MUKA DEPAN | 1 |

anonymous seller who claimed to have for sale video recordings of couples and individuals in fitting rooms of a clothing store.

those placing the hidden cameras can use any of the recorded visuals to spread intimate images online.

"These images and monitor and intimidate, making it difficult for the victims to escape abusive relationships."

Turn to page 5

She said companies that sell hidden cameras and detection devices were also profiting from women's fear and vulnerability.



Since 2022, the government has allocated RM3.7 billion in subsidies for chicken and eggs. – *MASRY CHE ANI/THESUN*

# Chicken, eggs price float to ensure subsidies benefit right group: PM

**KUALA LUMPUR:** The government's move to float the prices of chicken and eggs in the market is to ensure that only eligible citizens, and not foreigners or super-rich groups, benefit from the subsidies provided.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said since 2022, the government has allocated a total of RM3.7 billion in subsidies for chicken and eggs.

This has resulted in approximately 3.5 million foreigners and 10% of the wealthy in the country also enjoying the benefit of these subsidies.

"Looking at the current market prices, if the price is below the ceiling, and chicken and eggs in Thailand are cheaper than in Malaysia, then it is time for us to float the prices.

"If there is a shortage, we will supplement it from the stockpile. The Agriculture and Food Security Ministry has 30% of the chicken and egg stock, and I have instructed the minister to buy from Thailand if needed," he said during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to a question from Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu), who sought the government's assurance that the move to float the prices of chicken and eggs will not burden the people, who are already dealing with the high cost of living.

When tabling Budget 2024 on Friday, Anwar said the government is considering floating the price of both items as the supply has started to stabilise and the current market price is below the ceiling.

In his reply yesterday, Anwar said the decision was made after considering various factors through discussions among several ministries, such as the amount of savings in subsidies and the capacity of the Farmer's Organisation Authority and the Federal Agricultural Marketing Authority.

He said the agriculture and food security minister will announce further details soon.

On Rosol's supplementary question regarding the impact of the measure on the Consumer Price Index, Anwar said the current market prices for chicken and eggs, including wholesale, are still considered low.

Turn to page 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2023 | THE SUN | NEWS | 2 |


# 31,000 rice distribution premises inspected

**KUALA LUMPUR:** A total of 31,100 premises nationwide were inspected under *Ops Jamin* between July 7 and yesterday, involving various levels of the rice distribution chain.

Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said the inspections were carried out to monitor the supply and prices of rice as well as other daily necessities such as sugar and cooking oil at the retail level.

"We want to assess the situation regarding essential goods because we heard that there have been improvements. So, I came to see if the situation has become better.

"However, we see that (stocks) of local rice are still unavailable," she said after conducting inspections at a supermarket in Cheras Jaya yesterday.

*Ops Jamin* is a collaborative effort by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Agriculture and Food Security Ministry to ensure availability of rice at stable and controlled prices.

Fuziah said of the 31,100 premises inspected, action for violations have been taken against 10 cases, four each related to the Consumer Protection Act 1999 and the Trade Descriptions Act 2011, and two related to the Weights and Measures Act 1972.

She added that 331 rice related complaints were received as of yesterday and forwarded to the ministry for further action.

On Budget 2024, Fuziah said it is a budget that favours the people, as the allocation for the *Payung Rahmah* initiatives has been doubled to RM200 million.

"I am also happy for the hardcore poor because the prime minister has allocated RM10 billion for Rahmah Cash Aid.

"Through the retargeted subsidy approach, we hope those who are eligible and entitled to subsidies can receive cash aid that can be used to buy essential goods." – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Harga ayam, telur: Perbincangan FLFAM, KPKM belum ada keputusan

**SHAH ALAM -** Pertemuan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada Isnin bagi membincangkan penentuan dan hala tuju harga bekalan ayam serta telur di pasaran masih belum ada keputusan muktamad.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffery Ng Choon Ngee berkata, sebarang keputusan mengenai isu berkenaan akan diputuskan kementerian itu dalam masa terdekat.

"Saya sokong keputusan kerajaan untuk mengapungkan bekalan ini kerana sedikit sebanyak dapat ringankan juga beban penternak.

"Dalam perbincangan, kami hanya berbincang langkah terbaik yang boleh diambil dan menyuarakan pandangan masing-masing mengenai isu ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |




SUBSIDI harga telur yang diberikan kerajaan sebelum ini bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat bawahan, tetapi turut dinikmati oleh warga asing dan golongan kaya di negara ini. – GAMBAR HIASAN

Apung harga untuk salur peruntukan golongan sasar

# Tanggung subsidi ayam, telur RM3.7b

**Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

**DEWAN RAKYAT**

**KUALA LUMPUR** – Perdana Menteri memaklumkan langkah kerajaan melaksanakan pengapungan harga ayam dan telur di pasaran untuk memastikan subsidi hanya kepada golongan yang berhak, bukan untuk warga asing atau golongan kaya-raya.

Ini kerana kata Datuk Seri Anwar Ibrahim, sejak 2022, kerajaan menanggung subsidi ayam dan telur kira-kira RM3.7 bilion.

Bagaimanapun katanya, pemberian subsidi itu memberi keuntungan kepada 3.5 juta warga asing, selain 10 peratus golongan 'maha kaya' dalam negara.

"Melihat keadaan harga pasaran sekarang, bila harga itu kurang daripada harga siling seperti sekarang dan harga ayam dan telur di Thailand lebih rendah, tiba masanya kita apungkan.

"Kalau benar ada kekurangan kita akan cambahkan daripada stok, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mempunyai 30 peratus stok ayam dan telur dan saya beritahu Menteri untuk membeli dari Thailand sekiranya ada keperluan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (**PN-Hulu Terengganu**) yang meminta Perdana Menteri menyatakan jaminan kerajaan bahawa langkah mengapungkan harga ayam dan telur tidak akan membebankan rakyat yang sedang berdepan kos sara hidup yang tinggi.

Terdahulu, semasa pembentangan Belanjawan 2024 pada Jumaat lepas, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mempertimbang harga ayam dan telur di pasaran diapungkan berdasar harga yang lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu dibuat selepas kerajaan mendapati bekalan kedua-dua sumber makanan itu kini stabil.

Jelasnya, kerajaan mempertimbangkan banyak perkara menerusi perbincangan pelbagai kementerian, seperti jumlah subsidi yang boleh dijimatkan dan keupayaan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Harga ikan di Terengganu menurun

**Marang:** "Tidak berlaku kenaikan harga ikan di Terengganu, malah harga sumber protein itu semakin menurun," kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, harga ikan turun mendadak contohnya ikan selayang kini ada yang dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram.

Menurutnya, apa yang berlaku ketika ini tidak pernah berlaku dalam tempoh agak lama dalam konteks negeri Terengganu iaitu harga ikan menurun.

"Walaupun ikan itu dikatakan datang dari Endau, Johor tetapi sebenarnya nelayan Endau datang memukat di perairan Terengganu.

"Cuma hasil dibawa ke Endau dan bawa balik melalui jalan darat ke Terengganu," katanya ketika ditemui pada program X-to-Reef di Jeti Pelancongan Marang, dekat sini, semalam.



NELAYAN menyusun hasil tangkapan ikan selepas pulang dari laut untuk dijual kepada penduduk setempat di Jeti Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Ditanya mengenai harga ikan di negeri ini, beliau berkata, harga ikan di Terengganu menurun berikutan kedatangan musim tengkujuh.

"Bulan September, Oktober dan November merupakan musim tangkapan meningkat dan musim (tengkujuh) ini ikan-ikan dari perairan laut dalam akan (datang) hampir ke kawasan pesisir pantai.

"Banyak spesies ikan yang ditemui di kawasan 10 jam perjalanan, kini hanya tiga hingga empat jam sudah jumpa spesies ini," katanya.

Menurutnya, fenomena seumpama ini berlaku pada musim tengkujuh kerana ia adalah musim ikan bertelur sekali gus pihaknya menggesa nelayan menggunakan kaedah tangkapan yang tidak merosakkan sumber protein berkenaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Kerap pantau situasi bekalan

## KPDN periksa 31,100 premis di seluruh negara babit pelbagai peringkat rantaian pengedaran

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

**Serdang**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memeriksa 31,100 premis di seluruh negara membabitkan pelbagai peringkat rantaian pengedaran termasuk pengilang, pemborong dan peruncit menerusi Op Jamin.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, pemeriksaan diadakan bermula 7 Julai hingga kelmarin dan daripada jumlah itu, sebanyak empat kes diambil ke atas peniaga kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.




FUZIAH hadir pemeriksaan Op Jamin di Pasar Raya Super Seven, Cheras Jaya, semalam.

Selain itu katanya, empat kes membabitkan Akta Perihal Dagangan 2011 dan dua kes mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 menjadikan 10 kes secara keseluruhannya diambil tindakan oleh KPDN.

"Manakala sebanyak 331 aduan membabitkan aduan harga, bekalan dan lain-lain berkaitan beras diterima dalam tempoh yang sama dan telah disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk tindakan lanjut.

"Tujuan pemeriksaan ini dilakukan adalah bagi melihat sendiri situasi semasa yang berlaku di lapangan berhubung kedudukan bekalan dan harga beras di peringkat runcit serta barangan keperluan harian yang lain termasuk gula, minyak masak dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melaksanakan pemeriksaan Op Jamin di Pasar Raya Super Seven, Cheras Jaya, di sini, semalam.

Turut hadir pengurusan tertinggi kementerian, Bahagian Penguat Kuasa (BPGK) KPDN dan Penguat Kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri Selangor serta KPKM.

Fuziah berkata, bermula pada 7 Julai lalu, KPDN dan KPKM melancarkan Kolaborasi Bersepadu Ops Jamin bagi memastikan keterjaminan bekalan beras dengan harga yang stabil dan terkawal untuk keperluan pengguna.

"Pada masa yang sama, pemeriksaan Op Jamin ini bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Kementerian.

"KPDN memberi jaminan akan terus membantu KPKM dalam melakukan pemeriksaan di bawah Op Jamin di seluruh Negara.

"Pada masa yang sama akan terus menggiatkan tindakan penguatkuasaan di bawah perundangan serta bidang kuasa KPDN terutamanya dalam menangani isu penukaran label kampit beras yang dikhuatiri berlaku susulan pelarasan harga baharu bagi beras putih import (BPI)," katanya.

Beliau berkata, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730].

"KPDN juga menguatkuasakan Akta Timbang Dan Sukat 1972 [Akta 71] dan sekiranya berlaku perlanggaran undang-undang berkaitan alat timbang dan sukat membabitkan padi dan beras, tindakan juga boleh diambil ke atas pihak yang terbabit," katanya, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |


# Padi: Harga lantai baharu masih rendah

**PASIR SALAK:** Harga baharu belian padi RM1,300 satu tan berbanding RM1,200 sebelum ini belum cukup menggembirakan pesawah kerana mendakwa ia masih belum dapat menampung kos input yang semakin meningkat.

Pesawah di Sungan Manik di sini berkata, mereka menjangkakan kenaikan harga lantai belian padi yang lebih tinggi untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Kata mereka, walaupun berlaku kenaikan yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 baru-baru ini, ia belum cukup untuk melegakan pesawah.

Ketua unit pesawah Blok D di Sungai Manik, Helme Iskandar Muhamad berkata, di unitnya terdapat 68 pesawah yang rata-rata merasakan harga baharu padi yang diumumkan kerajaan tidak mencukupi untuk mereka meraih pulangan yang setimpal dengan sawah yang mereka usahakan.

Menurutnya, ini berikutan kos sawah meningkat seperti kenaikan harga benih padi, baja dan racun dan kos upah.



**PESAWAH** berhimpun menuntut harga belian padi yang lebih tinggi di Sungai Manik, Pasir Salak, Perak.

"Harga baharu padi yang diumumkan iaitu naik daripada RM1,200 kepada RM1,300 memang tidak cukup buat kami sebab kos sawah sudah meningkat.

"Daripada upah mesin padi, merata tanah, membajak sawah, membaja dan meracun, semuanya mahal.

"Harga beras mahal tetapi kenapa harga padi masih rendah. Kenaikan harga padi yang diumumkan kerajaan tidak memberi kesan yang besar terhadap pendapatan kami, sepatutnya kenaikan lebih tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi pesawah, Masrol Kudis berkata, mereka mengharapkan kenaikan harga padi yang lebih tinggi diumumkan, namun, agak kecewa apabila harga baharu padi yang diumumkan masih rendah.

Katanya, kenaikan itu masih tidak mampu memberikan hasil yang lebih memuaskan kepada pesawah jika ditolak kos membuat sawah.

"Kami harap kerajaan sedia mengkaji lagi harga beras supaya ditambah lagi ke paras yang berbaloi untuk pesawah disebabkan kos mengusahakan sawah sudah meningkat," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Benih padi sah dijual di 'pasaran gelap'

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

**ALOR SETAR** – Kalangan pesawah di negeri ini merungut berikutan sukar mendapatkan benih padi sah pada harga berpatutan ketika jadual penanaman padi di sesetengah kawasan sepatutnya bermula hujung bulan lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, rata-rata pesawah 'pening' setelah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang menjadi lokasi mendapatkan benih pada harga berpatutan juga tidak memiliki bekalan seperti diharapkan.

Katanya, kebanyakan PPK memaklumkan bahawa kilang-kilang yang dibenarkan membekal benih padi memberi alasan kononnya benih padi yang disediakan untuk penanaman musim ini masih belum diluluskan Jabatan Pertanian.

"Namun yang menghairankan, benih-benih itu ada pula dijual di 'pasaran gelap'. Harganya cukup mahal iaitu lebih RM50 sekampit berbanding harga RM35 di pintu kilang seperti ditetapkan kerajaan.

"Langkah ini sudah tentu memberi tekanan kepada pesawah, apatah lagi kalau mengikut jadual dikeluarkan MADA, mereka sepatutnya melaksanakan kerja-kerja menabur benih hujung bulan lalu," katanya ketika dihubungi semalam.

Ujarnya, pihak yang menjualnya pula dilihat bertindak secara licik apabila mereka tidak mengeluarkan sebarang resit bagi proses pembelian.

"Kita minta pihak Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) supaya mengambil tindakan. Kita tak mahu pesawah dipermainkan dengan cara begini," katanya.

Sementara itu, Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, apa yang berlaku menunjukkan seolah-olah kilang yang mengedar benih padi itu lebih utamakan pihak tertentu yang menjadi rangkaian mereka, sebelum menghantar bekalan ke PPK.

"Saya dimaklumkan ada petani yang duduk di Kota Kuala Muda terpaksa 'mencari-cari' benih di sebelah Kedah utara. Itu pun mereka terpaksa beli dengan harga mahal," katanya.



**PESAWAH memasukkan benih padi ke dalam mesin penabur padi.**
– GAMBAR HIASAN